

KESELAMATAN PELAYARAN

Selat Melaka sehingga kini kekal merupakan salah satu laluan kapal utama. dan yang tersibuk di dunia dengan melebihi 70,000 kapal dari pelbagai jenis melaluinya setiap tahun. Dianggarkan juga lebih 11 juta tong minyak diangkut melalui Selat Melaka.

Bagi memastikan perairan Malaysia adalah selamat untuk pelayaran, pelbagai usaha dan inisiatif keselamatan telah diambil sewajarnya seperti berikut:

- Menyediakan alat bantuan keselamatan pelayaran; dan
- Merangka peraturan dan garis panduan berhubung aspek keselamatan pelayaran seperti *Traffic Separation Scheme*, *mandatory ship Reporting System* dan *the Automatic Identification System (AIS)*.